KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

ANUGERAH KECEMERLANGAN KPKT : YB KM MENYERU WARGA KPKT TERAPKAN PEMIKIRAN GLOBAL, KUASAI TEKNOLOGI AI BAGI HADAPI CABARAN SEMASA

PUTRAJAYA, 21 MEI 2026 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Nga Kor Ming (YB KM) hari ini menyeru seluruh warga KPKT mengadaptasi pemikiran global dan meningkatkan penguasaan teknologi kecergasan buatan (AI) dalam usaha mendepani cabaran-cabaran yang semakin kompleks di peringkat antarabangsa.

Dalam ucapannya sempena **Majlis Apresiasi Kecemerlangan KPKT** hari ini, YB KM berkata setiap perkembangan di peringkat antarabangsa, sama ada melibatkan perdagangan, ekonomi, teknologi mahupun geopolitik pasti memberi kesan langsung kepada negara dan kesejahteraan rakyat.

Beliau menegaskan bahawa landskap pentadbiran dan perkhidmatan awam hari ini tidak lagi boleh terikat dengan corak pemikiran yang lama. Isu-isu semasa seperti perbandaran mampan, peralihan ke arah ekonomi digital dan hijau serta pelbagai krisis global menuntut penjawat awam untuk bertindak lebih agresif, proaktif, berinovasi tinggi dan mempunyai daya saing pada tahap antarabangsa.

“Kita tidak boleh lagi bekerja dalam ruang lingkup yang sempit atau terlalu selesa dengan pendekatan rutin. Sebaliknya, kita perlu harus memahami isu tempatan dan peka terhadap perkembangan dunia supaya setiap dasar dan keputusan yang dibuat sentiasa relevan, progresif dan mampu meningkatkan daya saing negara,” ulas beliau.

Beliau juga menyaran supaya elemen transformasi digital dan transformasi minda perlu diintegrasikan dalam perkhidmatan awam, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), selaras dengan agenda *Ease of Doing Business* serta hala tuju perniagaan bagi tempoh 20 tahun akan datang.

“Di bawah Kerajaan MADANI pimpinan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, negara kita kini berada di landasan yang kukuh. Antaranya kedudukan daya saing negara yang melonjak dari tangga 37 menjadi ke-23 sekaligus menjadikan Malaysia “*the most improved nation*” di dunia untuk tahun 2025.”

“Selain itu, kejayaan negara kita turut diserikan dengan pengiktirafan oleh *The Ebelmen Trust Barometer* sebagai negara ketujuh (ke-7) yang paling boleh dipercayai juga merupakan satu pencapaian hebat yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia.”

Majlis Apresiasi Kecemerlangan KPKT Tahun 2025 ini menyaksikan seramai 441 orang pegawai dan kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan sijil penghargaan atas komitmen, integriti dan dedikasi luar biasa mereka sepanjang berkhidmat. KPKT juga telah diiktiraf sebagai antara tiga (3) Kementerian terbaik yang bertaraf status platinum.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua penerima anugerah yang telah membuktikan kecemerlangan dalam merealisasikan dasar dan inisiatif di bawah payung KPKT. Beliau berharap penganugerahan ini akan menjadi pemangkin semangat kepada seluruh jentera perkhidmatan awam untuk bekerja dengan lebih berdedikasi.

"Saya berharap agar seluruh warga KPKT terus bekerja sebagai satu pasukan yang teguh untuk membawa pembaharuan dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI," tambah beliau lagi.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my